

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN**
KAWASAN : **PARIT**
TARIKH : **20 MAC 2017 (SELASA)**
NO. SOALAN : **30**

SOALAN

YB TUAN DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN (Parit) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan yang paling besar akibat penarikan diri Amerika Syarikat daripada TPPA.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan pengunduran Amerika Syarikat daripada TPPA pada 30 Januari 2017, TPPA kini tidak boleh dilaksanakan kerana **Artikel 30.5** TPPA menetapkan bahawa perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPP. Amerika Syarikat sahaja menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP. Justeru, Malaysia dan negara anggota TPPA lain sedang menimbang beberapa alternatif sebagai langkah seterusnya.

2. Sebagai sebuah negara perdagangan yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, kegagalan pelaksanaan TPPA merupakan satu *'missed opportunity'*, dengan izin, untuk syarikat-syarikat Malaysia bersaing dengan lebih kompetitif, khususnya di rantau Asia Pasifik. Malaysia telah merundingkan perjanjian ini selama lima (5) tahun bagi memastikan teks akhir perjanjian perdagangan bebas yang komprehensif ini akan dapat memberi manfaat yang maksimum kepada negara serta dimuktamadkan *'on our terms'*, dengan izin. Tanpa TPPA, syarikat-syarikat Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah perjanjian tersebut.

3. Namun, Malaysia sedang mengambil beberapa langkah ke arah meningkatkan akses pasaran tambahan global. Sebagai langkah seterusnya, Malaysia meletakkan keutamaan kepada agenda berikut:

- (i) Pertama, memastikan kejayaan pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN, khususnya bagi menangani isu berkaitan halangan bukan tarif dan keseragaman standard;
- (ii) Kedua, memberi fokus untuk memuktamadkan rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP);
- (iii) Ketiga, mengambil langkah susulan dari kunjungan Raja Salman dan delegasi Arab Saudi ke Kuala Lumpur dan MoU yang ditandatangani sewaktu lawatan ke China serta menjalinkan hubungan lebih erat dengan India; dan
- (iv) Terus menggalakkan hubungan pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara lain dari benua Asia, Amerika dan Eropah.

4. Malaysia dan negara anggota TPPA lain kini saling bertukar pandangan mengenai hala tuju perjanjian ini. Saya menjangkakan perbincangan formal yang lebih mendalam akan berlangsung di Vietnam semasa pertemuan Mesyuarat Menteri-Menteri APEC pada bulan Mei 2017 kelak. Dalam masa yang sama, Malaysia, Vietnam, Singapura dan Brunei akan meneruskan pindaan undang-undang tertentu untuk menambah baik perundangan dan peraturan sedia ada, walaupun TPP tidak akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

SOALAN : 31

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan dan pelaksanaan Kerajaan untuk mengguna pakai Terminal 2 Kota Kinabalu International Airport selepas Air Asia berpindah ke Terminal Utama, untuk mengelakkan pembaziran ruang kemudahan yang masih tersedia dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan supaya Terminal 2 Kota Kinabalu International Airport (KKIA) digunakan sepenuhnya untuk operasi *General Aviation* (GA) oleh dua buah syarikat yang beroperasi ke kawasan *offshore* oleh Syarikat Westar Aviation dan Syarikat Sazma. Kedua-dua syarikat ini beroperasi sebanyak 3 kali penerbangan sehari. Selain itu, Terminal 2 juga boleh digunakan untuk operasi penerbangan jet persendirian (*private aircraft*) dan penerbangan pesawat Kerajaan.